

INFO

Bakery Station
Harga roti: RM1.50
ke RM2.50
Tampahan: 013-
2999786 (Fara)
Facebook: Bakery Station



APA YANG DIBERI KEUTAMAAN IALAH KEPUASAN PELANGGAN DAN SETIAP MAKLUM BALAS DIAMBIL KIRA TERMASUK MENCARI KELAINAN DENGAN MENYEDIAKAN ROTI MENGIKUT SELARAKAN PELANGGAN"

Nor Paraliza (kiri) melayani pelanggan di kios miliknya, Kios Bakery Station menyediakan pelbagai aneka roti.



Nor Paraliza A Kahar, Pemilik Bakery Station.

Bakery Station

tumpuan pelajar UPM

Oleh Basir Zahrom

Basir.zahrom@
bh.com.my

► Serdang

Aroma roti yang báharu dikeluarkan daripada ketuhar menusuk hidung penulis sebaik melangkah ke Kompleks Mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) datangnya dari kios Bakery Station.

Pemilik Bakery Station, Nor Paraliza A Kahar, 25, berkata kios menyediakan pelbagai aneka roti itu menjadi tarikan warga kampus berkenaan.

Pelajar Ijazah Sarjana Pembangunan Manusia itu berkata, segala-galanya ber-

mula selepas dia mengikuti kursus pendek membuat roti di salah satu akademi bakeri untuk memahirkannya dengan proses pembuatan roti serta selok belok perniagaan berkenaan.

Ubah senario

Perniagaan roti sebelum ini kebanyakannya dimonopoli golongan bukan Bumiputera dan saya berusaha mengubah senario itu dengan mendalaminya dalam perniagaan ini dengan tujuan meramaikan lagi pembabitian Bumiputera khususnya dalam kalangan orang Melayu.

Saya berkongsi modal bersama dengan rakan Mohd Ilyas Abdul Aziz, mengajai 10 hingga

bagi membeli segala kelengkapan termasuk mesin membuat roti yang berharga sekitar RM20,000 selain kos bahan mentah RM2,000 sebulan.

"Biarpun masih baharu, kami bersyukur kerana mampu meraih keuntungan bersih sekitar RM4,000 hingga RM5,000 sebulan," katanya ketika ditemui di UPM, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, anak kelahiran Kota Tinggi itu berkata, awal pembabitannya dalam perniagaan roti memang agak sukar, namun selepas mendapat bantuan pelajar junior mengendalikan kios itu, segala urusan berjalan lancar.

Bantuan cef berpengalaman

"Kami mengajai 10 hingga



15 pelajar dengan kadar RM3.00 sejam bagi menguruskan kedai selain dibantu cef berpengalaman yang banyak membantu dalam penyediaan roti.

"Apa yang diberi keutamaan ialah kepuasan pelanggan dan setiap maklum balas diambil kira termasuk mencari kelainan dengan menyediakan roti mengikut selera pelanggan."

"Dari segi harga, kami menjual pada harga yang berpatutan dan alhamdulillah, sambutannya amat menggalakkan," katanya.

